

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK MOHD AZIS BIN JAMMAN (SEPANGGAR)

SOALAN

DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN [SEPANGGAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pembaharuan yang dilakukan ke atas peranan ESSCOM khususnya dalam mengawal keselamatan perairan Pantai Timur Sabah dan adakah Kerajaan akan mengkaji semula "*chain of command*" di antara pelbagai agensi supaya ianya lebih berkesan khususnya dalam situasi wabak COVID-19 yang melanda Sabah ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Selaras dengan perubahan semasa ESSCOM telah mengalami pelbagai evolusi penugasan berdasarkan kepada ancaman-ancaman yang perlu ditangani seperti penyeludupan migran, jenayah rentas sempadan dan juga isu pandemik COVID-19 yang melanda negara sekarang.

Setakat ini, di bawah pelaksanaan Op Benteng, ESSCOM telah bersama-sama agensi keselamatan seperti ATM, PDRM, APMM dan JIM melaksanakan beberapa langkah strategik dalam mengawal perairan negara dari dicerobohi oleh elemen-elemen Militan, *Kidnap For Ransom Group (KFRG)*, *Kumpulan Abu Sayaf Group (ASG)* dan *Royal Sulu Force (RSF)* serta kemasukan PATI dari negara jiran. Selain itu, di bawah platform Op Benteng, ESSCOM juga mengambil langkah-langkah ke hadapan dalam menangani pandemik COVID-19 dengan melaksanakan Ops Cegah Pati (OCP) di Lautan iaitu Ops Cegah Pati Timur (OCPT), Ops Cegah Pati Utara (OCPU) dan Ops Cegah Pati Selatan (OCPS) dalam mengawal hampir keseluruhan pesisiran pantai timur Sabah demi mengekang kemasukan PATI dari negara Jiran.

Kerajaan juga dalam tindakan untuk menambah baik tadbir urus ESSCOM yang termasuk dari segi *Chain of Command* ESSCOM. Perkara tersebut sedang diperhalusi oleh pihak kementerian.